

MALAYSIA CONVENTION & EXHIBITION BUREAU

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) merupakan syarikat berhad menurut jaminan yang bukan berorientasikan keuntungan. MyCEB ditubuhkan pada 13 Ogos 2009 oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Aktiviti utama MyCEB ialah mengenal pasti potensi, memberi sokongan dan insentif, menjalankan promosi dan pemasaran serta pembangunan industri untuk Acara Perniagaan dan Acara Sukan Antarabangsa.
- Prestasi dan pengurusan aktiviti utama MyCEB yang dinilai ialah pengurusan aktiviti sokongan dan insentif iaitu dana *subvention* dan sokongan acara bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Jun 2022.
- Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); prestasi penggunaan geran Kerajaan; dan prestasi pembidaan penganjuran acara. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan pelaksanaan dan pencapaian Pelan Strategik MyCEB dan kesan pulangan ekonomi kepada negara.
- Bagi pengurusan aktiviti sokongan dan insentif, empat perkara yang dinilai ialah permohonan dan kelulusan dana; bayaran dana kepada penganjur; bantuan kewangan Program Realiti TV – The Challenger 2022; dan pemantauan penganjuran acara.
- Penilaian terhadap sembilan aspek tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Prosedur Operasi Standard (SOP), Pelan Strategik dan KPI, Jawatankuasa Audit (JKA), Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Jun 2022.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- MyCEB memainkan peranan penting dalam menggalak dan meletakkan Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai destinasi pilihan penganjuran Acara Perniagaan dan Acara Sukan Antarabangsa.
- Setakat bulan Jun 2022, MyCEB telah menerima geran pembangunan berjumlah RM408.14 juta daripada Kerajaan melalui MOTAC untuk melaksanakan Acara Perniagaan dan Acara Sukan

Antarabangsa dan sejumlah RM292.18 juta (71.6%) telah dibelanjakan.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, MyCEB telah mencapai objektif penubuhan dalam menggalakkan dan meletakkan Malaysia sebagai destinasi pilihan penganjuran acara antarabangsa. Namun, aspek prestasi dan pengurusan dana *subvention* dan sokongan acara serta tadbir urus korporat perlu ditingkatkan.
- Pencapaian KPI telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019, 2020 dan 2021. Namun, kaedah pengiraan KPI tahun 2019 tidak menggambarkan pencapaian KPI sebenar MyCEB kerana mengambil kira acara yang belum berlangsung. Prestasi perbelanjaan dana *subvention* dan sokongan acara bagi tahun 2020 dan 2021 adalah antara 6% hingga 79.8% disebabkan acara yang dirancang telah ditunda atau dibatalkan akibat pandemik Covid-19. Perbelanjaan mengurus MyCEB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 telah melebihi jumlah peruntukan yang dimohon dan diterima serta kerugian sebelum cukai menyebabkan kedudukan kewangan syarikat menjadi kurang stabil.
- Pencapaian keberhasilan dari aspek pencapaian Pelan Strategik MyCEB tidak dibincang, dipantau dan dinilai oleh Lembaga Pengarah. Kesan pulangan ekonomi kepada negara daripada penganjuran acara juga menunjukkan trend penurunan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- Pengurusan aktiviti *subvention* dan sokongan acara adalah kurang cekap kerana rekod tapisan awal permohonan dana oleh penganjur tidak diselenggarakan; Perjanjian *Subvention* ditandatangani tidak mengikut tempoh yang ditetapkan SOP; bayaran akhir tuntutan berjumlah RM1.43 juta dibuat selepas tamat tempoh perjanjian; serta tiada dokumen sokongan lengkap untuk bayaran kepada penganjur berjumlah RM11.93 juta bagi Program Realiti TV – The Challenger 2022.
- Amalan tadbir urus korporat MyCEB berada pada tahap memuaskan. Antara aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah berkaitan penyertaan program pembelajaran oleh Lembaga Pengarah; peranan Setiausaha Syarikat; penyediaan dan pematuhan kepada SOP; kekerapan mengadakan mesyuarat JKA; penubuhan Audit Dalam; serta penubuhan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak yang terlibat perlu memberi pertimbangan terhadap syor seperti berikut:
 - menetapkan kaedah pengiraan pencapaian KPI syarikat berdasarkan pencapaian sebenar pada tahun semasa. Selain itu, maklumat dalam Sistem Customer Relationship Management juga perlu dikemas kini bagi memastikan laporan KPI yang dibuat adalah tepat;
 - meningkatkan prestasi penggunaan dana *subvention* dan sokongan acara bagi mencapai objektif syarikat. Selain itu,

permohonan peruntukan mengurus juga mestilah yang selaras dengan unjuran perbelanjaan tahunan MyCEB;

- memastikan pelaksanaan dan pencapaian Pelan Strategik dibentang serta dipantau oleh Lembaga Pengarah;
- memastikan rekod berkaitan tapisan awal sebelum penganjur dibenarkan membuat permohonan *subvention* dan sokongan acara diselenggarakan dengan lengkap; Perjanjian *Subvention* ditandatangani mengikut tempoh yang ditetapkan dalam SOP syarikat; dan klausa yang dinyatakan dalam perjanjian dipatuhi. Bayaran dana juga perlu dibuat dengan dokumen sokongan yang lengkap mengikut syarat SOP dan perjanjian bagi menjamin kepentingan MyCEB; dan
- menambah baik amalan tadbir urus korporat berkaitan program pembelajaran untuk Lembaga Pengarah; peranan Setiausaha Syarikat; penyediaan SOP berkaitan aktiviti utama syarikat; kekerapan mengadakan Mesyuarat JKA; dan penubuhan Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.